



SIARAN MEDIA

SERIAN KEKAL SEBAGAI KAWASAN PENGELUARAN LADA HITAM BERKUALITI

Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perladangan dan Komoditi, YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof hari ini telah mengadakan lawatan ke kebun lada di Kampung Begu, Padawan sempena hari kedua program Trek Komoditi 2023 Zon Sarawak anjuran Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK).

Kebun lada milik pekebun Encik Nugi anak Suoi mula diusahakan pada tahun 2020 dan keluasan tanamannya kini telah menjangkau sekitar 0.25 hektar yang meliputi 400 pokok lada matang dan 100 pokok lada baharu dengan varieti lada yang ditanam antaranya varieti Kuching, Semenggok Aman dan Semenggok Emas.

YAB Dato' Sri Haji Fadillah juga telah bertemu dengan pekebun kecil lada sekitar kawasan Padawan dan Serian menerusi sesi sembang santai bagi mendapatkan maklum balas daripada golongan sasar setempat mengenai isu – isu semasa dan cabaran berkaitan sektor agrikomoditi lada.

Bahagian Serian merupakan kawasan pengeluaran lada kedua terbesar di Sarawak dengan jumlah pekebun berdaftar seramai 7,643 orang dan melibatkan keluasan 1,486.4 hektar, merangkumi Parlimen P198 Puncak Borneo dan P199 Serian yang terdiri dari kawasan Padawan dan Serian.

Aktiviti penanaman lada di kawasan Padawan diselia oleh Pejabat Lembaga Lada Malaysia (MPB) Cawangan Serian dan merupakan salah satu kawasan yang mengeluarkan lada hitam berkualiti eksport di Malaysia.

Majoriti penduduk terutamanya di kawasan Padawan dan Serian aktif menjalankan aktiviti penanaman lada dengan bimbingan dan seliaan daripada MPB melalui penganjuran kursus dan latihan in-situ di peringkat lapangan.

Sehingga November 2023, seramai 333 orang pekebun telah diluluskan bantuan Skim Tanaman Lada Baharu yang melibatkan keluasan 44 hektar dengan nilai bantuan berjumlah RM2.024 juta manakala seramai 267 orang pekebun diluluskan bantuan Skim Tanaman Lada Matang yang melibatkan keluasan 46.9 hektar dengan nilai bantuan berjumlah RM1.173 juta.

Dengan adanya bantuan yang diberikan oleh Kerajaan kepada penggiat industri lada seperti bantuan input pertanian serta mesin pemprosesan lada, ianya dapat membantu pekebun untuk menghasilkan lada hitam berkualiti eksport seperti bergred *Special* sekali gus berupaya meningkatkan pendapatan para penggiat industri lada.

Kementerian melalui MPB sentiasa komited dalam melaksanakan inisiatif program pemerkasaan sektor agrikomoditi lada yang melibatkan golongan sasaran bagi mewujudkan aktiviti nilai tambah di dalam rantai bekalan bahan mentah untuk industri lada negara selain meningkatkan pengetahuan dan menaik taraf tahap ekonomi masyarakat setempat.

KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI

26 NOVEMBER 2023

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT | KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI



www.kpk.gov.my



Kementerian Perladangan dan Komoditi



mykomoditi

No. 15, Aras 8, Persiaran Perdana, Presint 2, 62654 Putrajaya, Malaysia.
Tel: 03-88803322 e-mel: ukk@kpk.gov.my